

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
(LIMBANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2014

Y.B. TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah benar dan punca sebenar ramai kakitangan MAS berhenti kerja dan apakah langkah kerajaan membendung masalah yang dihadapi MAS yang merupakan Syarikat Penerbangan Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kakitangan MAS yang

berhenti kerja pada tahun 2012 ialah 612 orang dan 2013 seramai 569 orang. Mulai 1 Januari hingga 31 Mei 2014, jumlah kakitangan yang berhenti kerja adalah 342 orang. Pada masa ini, pengurangan kakitangan MAS adalah disebabkan oleh peletakan jawatan oleh kakitangan, persaraan atau tamat tempoh kontrak perkhidmatan. Kebanyakan peletakan jawatan adalah atas alasan mendapat tawaran kerja baharu atau disebabkan alasan peribadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan prestasi perkhidmatan dan membendung masalah kerugian yang berterusan, MAS terus komited mengekalkan daya saing serta menyediakan tahap perkhidmatan berkualiti kepada penumpang. Berdasarkan Pelan Perniagaan syarikat, MAS memberi tumpuan kepada inisiatif meningkatkan hasil, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti dengan mengukuhkan rangkaian perkhidmatan MAS. Program Penggantian Pesawat merupakan pemangkin kepada pelan pemulihan MAS melalui inisiatif memenangi semula penumpang. Dengan adanya pesawat baru seperti A380, Boeing 737-800

dan Airbus A330, MAS dapat mempelbagaikan perkhidmatan bagi memberi kepuasan kepada penumpang dan kekal sebagai syarikat penerbangan pilihan. MAS juga menawarkan perkhidmatan berkualiti bertaraf lima (5) bintang dengan harga yang kompetitif berbanding syarikat-syarikat penerbangan lain. Strategi ini telah berjaya meningkatkan faktor muatan penumpang dan menyumbang kepada peningkatan pendapatan operasi syarikat.

Selain itu, jaringan perkhidmatan penerbangan MAS dikukuhkan lagi dengan penyertaannya dalam Oneworld Alliance mulai 1 Februari 2013. Melalui gabungan ini, MAS dijangka dapat meningkatkan jumlah penumpang menerusi trafik tambahan daripada ahli oneworld yang lain dengan peluasan rangkaian hubungan yang ditawarkan ke lebih 800 destinasi di 150 negara berbanding rangkaian perkhidmatan MAS sedia ada hanya ke 60 destinasi. Penyertaan MAS dalam Oneworld Alliance telah menyumbang kepada peningkatan faktor muatan penumpang.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan juga telah membincangkan isu kerugian MAS dan telah memutuskan supaya Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) segera menjalankan kajian *due diligence* untuk mengenal pasti punca-punca kerugian MAS dan opsi-opsyen penyelesaian terbaik.

Susulan itu, Khazanah selaku pemegang saham terbesar MAS telahpun memulakan kajian berkaitan prestasi masa lampau dan prestasi semasa syarikat penerbangan tersebut. Kajian ke atas MAS masih dilaksanakan dan hasil kajian berkenaan akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah syarikat sebaik sahaja ia dimuktamadkan bagi membolehkan hala tuju MAS ditentukan.